

21/06/1999

Dakwaan Tuhan mencarut satu pembohongan

DAKWAAN Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, bahawa Tuhan itu mencarut adalah satu pembohongan dan mengelirukan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sambil mengulangi bahawa beliau tidak menolak ulama, Perdana Menteri menegaskan beliau menerima ulama besar termasuk Hambali, Hanafi, Maliki dan Ghazali, tetapi bukan ulama yang berkata Tuhan itu mencarut.

"Apabila Nik Aziz berkata Tuhan itu mencarut, saya tahu dia cakap bohong. (Dalam al-Quran) memang Tuhan ada mengutuk Abu Lahab, tetapi bukan mencarut.

"Kerana kepentingan parti, beliau sanggup menyalahafsirkan al-Quran. Ini bukan ulama," katanya ketika menggulung perbahasan pada Perhimpunan Agung Umno, semalam.

Menurut Dr Mahathir yang juga Presiden Umno, sejarah membuktikan banyak hadis palsu dicipta untuk kepentingan tertentu, termasuk politik.

Ini terbukti apabila daripada 600,000 hadis yang dikumpul, periwayat hadis terkemuka iaitu Imam Bukhari mengesahkan hanya 7,000 yang sahih, katanya.

Justeru, beliau berkata ini menunjukkan banyak hadis dicipta kerana kepentingan lain.

Dr Mahathir menegaskan, ulama sepatutnya mengasingkan kepentingan selain daripada agama.

"Apabila dia mempunyai kepentingan lain, maka tafsiran agama akan mirip kepada kepentingan itu terutama kalau mereka itu mempunyai kepentingan politik," katanya.

Beliau tidak menolak bahawa ulama berpengetahuan, mungkin alim, warak dan berpegang teguh kepada ajaran Islam.

"Tetapi bukan semua yang menganggap diri mereka ulama adalah orang yang berpengetahuan agama dan baik-baik belaka. Sebab itu saya tidak boleh menerima orang yang hanya menjadi ahli Persatuan Ulama sebagai ulama.

"Sesiapa sahaja boleh jadi ahli persatuan asal dia bayar yuran. Dalam Umno ini pun kadang-kadang ada orang jadi ahli Umno, tetapi jiwanya tidak Umno.

"Lebih-lebih lagi apabila dakwaan dibuat bahawa ulama adalah pewaris nabi. Ini bermakna apa yang dikatakan oleh ulama hampir sama taraf dengan hadis nabi.

"Itu agak sukar sikit bagi saya terima. Bukan saya tidak hendak menerima orang (ulama) seperti Hanafi, Maliki, Hambali dan lain-lain. Itu saya terima.

"Tetapi kalau orang yang berkata Tuhan mencarut itu mengaku ulama, saya tidak boleh terima. Orang yang menyokong juga saya tidak boleh terima.

"Ramai daripada mereka yang berjanggut, berkopiah putih dan berjubah tetapi kata Tuhan mencarut walaupun dia menjadi presiden parti yang dikatakan Islam, saya tidak boleh terima dia sebagai ulama," katanya.

Mengenai tafsiran ulama, Dr Mahathir membidas kerana ada golongan yang mendakwa bahawa sesiapa yang berjanggut, berjubah dan berserban adalah ulama.

"Saya tidak pertikaikan pakaian yang dipakai kerana ia sering dikaitkan dengan kepakaran dan pengetahuan dalam bidang agama," katanya tetapi menegaskan orang yang sedemikian rupa juga terbabit dengan kes merogol anak sendiri.

"Jadi berkopiah putih tidak bermakna kita jadi ulama atau kita baik.

Kita semua boleh pakai kopiah putih. Kita suka orang pakai kopiah putih. Saya juga pakai kopiah tetapi hanya apabila sembahyang. Di luar saya pakai kopiah hitam," katanya.

(END)